

BIL.

4

BERITA



EDISI KEEMPAT 2019

JULAI - OGOS

جولاء - آب ١٤٤٠ هـ - ١٤٤٠ م

# PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

## PASIR GUDANG MERDEKA FEST 2019 SAYANGI MALAYSIAKU "MALAYSIA BERSIH"



Menarik Di Dalam...

**Sektor Industri Meriahkan Aktif  
Industri Pasir Gudang**

**MPPG Menang Pertandingan  
Nasyid Di Persada Johor**

**Korban Dan Akikah  
2019**

**MPPG ANJUR**  
**Stamp Gear Fest 19**



# PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



Satu saja ungkapan yang dapat saya gambarkan iaitu syukur Alhamdulillah ke hadirat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berjumpa lagi pada bulan Edisi Keempat Berita Pasir Gudang (BPG). Semoga kita semakin bersyukur dengan apa yang kita peroleh pada hari ini.

Kita telah memasuki suku ketiga bagi tahun 2019 ini. Dalam bulan Ogos ini, kita telah menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos yang lalu. Pasir Gudang tidak terkecuali dalam menganjurkan program sambutan dengan pelbagai aktiviti yang dirancang. Antaranya aktiviti sukan, persembahan kesenian dan kebudayaan, ceramah kerohanian serta sambutan ambang merdeka yang diadakan tepat jam 12.00 tengah malam pada 31 Julai yang lalu yang turut disertai oleh YB Liow Cai Tung Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan. Sayangi Malaysiaku "Malaysia Bersih" pula telah dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan pada tahun 2019 ini.

MPPG begitu komited dan cemerlang dalam mengekalkan pelbagai pencapaian di peringkat dalaman mahupun luaran. Konvensyen Kualiti MPPG telah diadakan pada 7 hingga 9 Julai yang menyaksikan pelbagai penyertaan dan kategori dipertandingkan. MPPG turut menjemput panel juri dari pihak luar bagi semua pertandingan yang diadakan serta kategori penilaian projek yang diadili dari pihak MPC, Johor. Kejayaan ini diteruskan lagi dengan penglibatan empat buah kumpulan yang telah bertanding di peringkat Wilayah Pantai Timur di Kelantan dan mendapat anugerah Emas bagi keempat kumpulan ini.

Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada semua warga kerja yang terlibat dalam merealisasikan kejayaan ini. Sesungguhnya, saya yakin dan percaya bahawa kejayaan hari ini tidak akan berjaya dicapai tanpa usaha yang gigih dan semangat kerja berpasukan yang diterapkan dalam semua program yang disertai.

Selain itu, MPPG turut menerima lawatan kerja dari YB Tuan Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar pada 8 Ogos yang lalu. MPPG juga amat berasa berbesar hati apabila menerima lawatan dari YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah bersama pegawai-pegawai dari Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah pada 26 Ogos yang lalu.

Jabatan Kesihatan Awam juga turut menganjurkan program pembersihan sungai melalui Penggunaan *Em-Mudball*. Program yang diperluas ke peringkat komuniti Pasir Gudang ini, membabitkan penglibatan beberapa taman sekitar Pasir Gudang dan turut disertai oleh Ahli Majlis MPPG.

MPPG juga telah menerima lawatan kerja dari Kementerian Pembangunan Industri dan Usahawan Sarawak (MIED) yang diadakan pada 21 Julai yang lalu bertempat di auditorium Aras 3, Menara Aqabah. Delegasi telah diketuai oleh Setiausaha dari Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak (MIED) Puan Norjanah binti Hj. Razali. Antara perkongsian yang telah dibincangkan bersama ialah mengenai pengurusan MPPG dalam sektor industri di Pasir Gudang.

Buat pertama kalinya juga, MPPG dibawah Bahagian Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan *Stamp Gear Festival* bertempat di Dataran Al-Hamra Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang yang berlangsung bermula 27 hingga 28 Julai 2019. Program dianjurkan bertujuan bagi meraikan ulang tahun MPPG dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan serta memartabatkan karya seni anak tempatan dan pelajar sekolah khususnya Pasir Gudang untuk ingatan dan panduan generasi muda.

Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG juga tidak terkecuali dalam menjalankan aktiviti korban dan akikah bagi tahun 2019. Seramai 200 orang golongan asnaf dan fakir telah dipilih bagi menerima sumbangan daging korban yang diagihkan di Masjid Jamek An-Nur Pasir Gudang.

Akhir sekali, saya dengan rasa semangat cinta kan Malaysia dan patriotik ingin mengucapkan 'Selamat Menyambut Hari Kebangsaan ke 62' kepada semua warga Pasir Gudang.

Sehingga kita berjumpa lagi dalam keluaran akan datang.

**Haji Zainor bin Adani**  
Yang Dipertua MPPG

## AJK SIDANG REDAKSI 2019

### PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani  
Yang Dipertua MPPG

### KETUA EDITOR

Encik Sulaiman bin Ismail  
Setiausaha MPPG

### PENOLONG KETUA EDITOR

Tuan Haji Ab. Jalil bin Ab. Rahman

### PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani

### PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil  
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

### JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut  
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazli

## KANDUNGAN

- 3 ▶ Konvensyen Kualiti MPPG "Kualiti Pemancu Bandaraya Pintar"
- 4 - 5 ▶ Pasir Gudang Merdeka Fest 2019, Sayangi Malaysiaku "Malaysia Bersih"
- 6 ▶ Sektor Industri Meriahkan Aktif Industri Pasir Gudang
- 7 ▶ MPPG VS JMF FC Dalam Piala Sumbangsih Liga Perdana Pasir Gudang
- ▶ MPPG Merangkul Anugerah Emas Di Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Pantai Timur
- 8 ▶ MPPG Terima Lawatan Dari Kementerian Pembangunan Perindustrian Dan Usahawan Sarawak (MIED)
- ▶ Kumpulan Jauhar Kekalkan Prestasi Dalam Pertandingan Nasyid Johor Di Persada Johor
- 9 ▶ MPPG Terima Lawatan EKSA Dari Majlis Daerah Pontian (MDP)
- 10 - 12 ▶ Sesi Taklimat Kepada YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Tim. ketua Menteri Merangkap Menteri Perdagangan Dan Perindustrian Sabah
- 13 ▶ Lensa Bulanan
- 14 ▶ MPPG Anjur *Stamp Gear Fest 2019*
- 14 ▶ Pembersihan Melalui *EM Mudball* Diperluas Di Peringkat Komuniti Pasir Gudang
- 15 ▶ Majlis Beramah Mesra Bersama YB Tuan Tan Chen Choon
- 16 ▶ Majlis Perasmian Pelebaran Jalan Penghubung Taman Pasir Putih Dan Kota Masai
- ▶ Program Layari Merdeka Di Hujung Jari, Sayangi Malaysiaku "Malaysia Bersih"
- 17 ▶ Lebih 1,000 Peserta Meriahkan Acara MPPG 'Jomrun Away From Plastic'
- ▶ Korban Dan Akikah 2019
- 18 - 19 ▶ Lensa Yayasan Pasir Gudang
- 20 ▶ Info Terkini : Notis Pembaharuan Lesen Tahun 2020

# KONVENSYEN KUALITI MPPG

## “KUALITI PEMACU BANDARAYA PINTAR”



Sesi pembentangan projek oleh kumpulan yang bertanding.



Kumpulan An-Najwan dari Bahagian Teknologi Maklumat dipilih sebagai Johan bagi kategori pengurusan.

Dengan tema Kualiti Pemacu Bandaraya Pintar, Konvensyen Kualiti MPPG telah diadakan bagi edisi 2019 bermula 7 hingga 9 Julai lalu. Majlis perasmian Konvensyen telah dirasmikan oleh Setiausaha MPPG, En. Sulaiman bin Ismail manakala Majlis Penutup pula telah dirasmikan oleh Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Negeri Johor.

Dua Kategori projek telah dipertandingkan iaitu Kategori Teknikal yang disertai oleh lapan kumpulan melibatkan semua Jabatan dan Bahagian, manakala bagi kategori Pengurusan pula lima kumpulan telah bertanding. Selain itu, *booth* pameran projek setiap kumpulan turut diadakan dan 175 penyertaan Pertandingan Poster tema Konvensyen turut disertai oleh warga kerja. Manakala projek Cadangan Kaizen juga turut dianjurkan.

Johan dan naib johan bagi setiap kategori akan dipilih mewakili MPPG dalam Konvensyen Kualiti di peringkat Wilayah yang akan diadakan pada penghujung Julai nanti di Hotel Perdana Kelantan. Sesi penyampaian hadiah telah diadakan pada sebelah petang yang disampaikan oleh Tuan Haji Hasrin Kamal bin Hashim diiringi Yang Dipertua Tuan Haji Zainor bin Adani. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan yang memenangi setiap kategori yang dipertandingkan.



Pemilihan poster terbaik menggunakan juri jemputan dari pihak luar yang menilai kreativiti setiap poster yang dipertandingkan.



Tuan Haji Hasrin dibawa melawat ke *booth* pameran projek serta poster yang bertanding.

# PASIR GUDANG MERDEKA FEST 2019

## SAYANGI MALAYSIAKU "MALAYSIA BERSIH"



Sayangi  
Malaysiaku  
MalaysiaBersih

Laungan merdeka yang di ketuai oleh YB Leow Chai Tung diiringi semua tetamu VIP yang hadir dan bersama Yang Dipertua MPPG



Bagi menyemarakkan lagi perasaan patriotik dan cinta akan negara dikalangan masyarakat Pasir Gudang, MPPG telah menganjurkan sambutan hari Kebangsaan yang bertempat di Taman Bandar Bukit Layang-Layang. *Pasir Gudang Merdeka Fest 2019* telah berlangsung pada 28 Ogos hingga 1 September 2019 dengan pelbagai pengisian acara dan aktiviti. Antaranya, Karnival Sukan Rakyat, pertandingan peringkat sekolah seperti Bercerita, Karaoke, Deklamasi Sajak, Busana Kecil, Beyblade & Lego, Sukan Rakyat dan senamrobik. Pelbagai acara sukan rakyat yang diadakan antaranya pertandingan bola beracun, terompah gergasi, belon air, jangan tiru macam saya, lari dalam kain dan lumba tarik upih. Semangat kesukanan amat tinggi dikalangan peserta apabila mereka turut serta dalam semua acara walaupun berlainan kategori. Penganjuran karnival ini juga telah mendapat sambutan yang hangat dari penduduk apabila pengunjung Bukit Layang-Layang berminat untuk sertai semua acara yang dipertandingkan.

Selain dari aktiviti sukan dan pertandingan peringkat sekolah, terdapat juga gerai-gerai jualan disediakan bagi menarik lebih ramai pengunjung. Majlis bertambah meriah dengan aktiviti *lollipop drop*, cabutan bertuah dan sesi bergambar bersama dengan para pemenang.

Manakala, Majlis Sambutan Ambang Merdeka dimeriahkan dengan persembahan dari artis-artis jemputan, persembahan kesenian dan kebudayaan serta pemenang-pemenang pertandingan yang diraikan. Majlis tersebut diserikan lagi dengan kehadiran oleh YB Cik Liow Cai Tung, YB Tn. S. Gopalakrishnan a/l Subramaniam, YB Tn. Hassan Bin Karim, YB Dato' Che Zakaria Bin Mohd Salleh dan YB Tn. Steven Choong Shiau Yoon. Hadir sama meraikan sambutan tersebut ialah Tn. Hj. Zainor B. Adani Yang Dipertua MPPG, En. Sulaiman Bin Ismail, Setiausaha MPPG, Ahli-Ahli Majlis MPPG serta ketua-ketua jabatan. Acara kemuncak majlis diteruskan lagi apabila dif-dif jemputan dibawa ke atas pentas bagi memulakan sesi 'Count Down' Kemerdekaan. Dimulakan dengan laungan merdeka sebanyak tujuh kali yang diketuai oleh Yang Dipertua tepat jam 12.00 tengah malam seterusnya nyanyian Lagu Tanggal 31, Lagu Sayangi Malaysiaku dan Lagu Jalur Gemilang.

Selain *Merdeka Fest* yang diadakan, program ini turut menyambut kedatangan Maal Hijrah yang jatuh pada tanggal 1 September. Satu Ceramah Agama sempena Awal Muharram 1441H turut dianjurkan pada 30 Ogos dan panel jemputan adalah Ustaz Muhammad Hafiz Bin Haneefa, Ustaz Nazrul Izwan Bin Zolkiflee dan Ustaz Wan Najdi Bin Wan Mohd Noh.

Pengisian sambutan Hari Kemerdekaan bagi tahun ini begitu bermakna sekali apabila dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik dan lengkap memenuhi seluruh aspek rohani dan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat, khususnya di Pasir Gudang.



Persembahan artis jemputan turut memeriahkan lagi acara sambutan kali ini.



Antara acara sukan rakyat yang dianjurkan seperti Lumba Tarikupih dan Terompa Gergasi.



Antara acara sukan yang di anjurkan ialah pertandingan bola sepak yang mendapat sambutan dikalangan industri.

# SEKTOR INDUSTRI MERIAHKAN AKTIF INDUSTRI PASIR GUDANG

Aktif Industri Pasir Gudang merupakan program anjuran Asiaflex Products, Technip FMC dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Penganjuran yang mendapat tajaan dari Asiaflex Products Sdn. Bhd. EEW Malaysia Sdn. Bhd. Luvata Malaysia Sdn Bhd, Alpha Industries dan Dynac Sdn. Bhd. ini telah dianjurkan pada 20 Julai yang lalu. Ini merupakan penganjuran pertama bersama syarikat-syarikat di Pasir Gudang dan 7 acara telah dipertandingkan iaitu memanah, ping pong, bola sepak jalanan, boling, bola sepak, bola jaring dan bola tampar. Semua acara telah mendapat sambutan dari pekerja industri di Pasir Gudang kerana mereka menjadikan Aktif Industri Pasir Gudang sebagai medium untuk bersukan selain dari dapat mengeratkan hubungan kesukuan antara pekerja industri yang lain.

Seramai hampir 30 buah sektor industri yang terdiri dari syarikat dan kilang pelbagai sektor industri telah menyertai acara sukan yang dipertandingkan. Acara sukan telah dijalankan di Padang Perbandaran Pasir Gudang yang dimulakan dengan majlis perasmian dengan kehadiran Pn. Faridah Binti Abd Hamid, Ketua Bahagian Pembangunan Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat, En. Raja Rajan, Pengurus Besar Asiaflex Products Sdn. Bhd. En. Mohd Salleh Bin Hassan, Timbalan CEO Dynac Malaysia, En. Wong Khing Huei, Pengurus Sumber Manusia Luvata Malaysia Sdn. Bhd. En. Heah Theng Chye, Pengarah Kewangan Alpha Industries dan En. Thorsten Petermann, CEO EEW Malaysia Sdn. Bhd. Majlis perasmian diserikan lagi dengan acara perbarisan dari syarikat-syarikat penaja sebelum memulakan acara sukan. Kesemua acara sukan ini telah berakhir pada jam 5.00 petang.

Majlis Makan Malam pula telah diserikan dengan kehadiran En. Sulaiman Bin Ismail, Setiausaha Majlis Perbandaran Pasir Gudang serta wakil-wakil syarikat dan wakil dari penaja-penaja program ini. Semoga program kesukuan dikalangan industri Pasir Gudang ini dapat diteruskan dan menjadi program tahunan di Pasir Gudang disamping melahirkan bakat dalam pelbagai bidang sukan di kalangan pekerja sektor industri di Pasir Gudang. SYABAS dan tahniah kepada semua mereka yang terlibat dalam menjayakan program ini.



Majlis Penutup dan jamuan makan malam diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Setiausaha MPPG.



Antara sukan lain yang turut di anjurkan dalam Aktif Industri Pasir Gudang bagi edisi kali pertama penganjurannya ini.



# MPPG VS JMF FC DALAM PIALA SUMBANGSIH LIGA PERDANA PASIR GUDANG

Perlawanan ini merupakan pertemuan johan Liga Perdana Pasir Gudang musim 2018, pasukan MPPG SC yang menentang johan Liga Piala FA musim 2018, pasukan JMF FC. Perlawanan sengit ini berlangsung di Stadium Bolasepak Pasir Gudang yang menyaksikan kemenangan berpihak kepada pihak lawan, JMF FC dengan jumlah jaringan MPPG 2, JMF FC 3, dimana gol yang pertama telah dijaringkan oleh pemain Mohamad Afendi Mohd Ishak manakala jaringan kedua oleh Eddy Helmi Abd Manan. Jaringan terakhir dijaringkan oleh Zulindra Afendi Mohd Ishak sekaligus membolehkan JMF FC meraih kemenangan bergaya dengan jaringan 3 gol ini.

Johan telah membawa pulang wang tunai RM 1,000.00, medal dan piala pusingan. Manakala pasukan MPPG SC pula membawa pulang wang tunai berjumlah RM 700.00 dan medal. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh En. Nik Masri Bin Moharani, wakil rasmi Yang Dipertua MPPG diiringi En. Nazarul Bin Jaafar, Ketua Bahagian Pembangunan Komuniti, Jabatan Pembangunan Masyarakat. Tahniah diucapkan kepada pasukan JMF FC yang merangkul gelaran juara piala sumbangsih edisi 2019.



Syabas diucapkan kepada juara Piala Sumbangsih, pasukan JMF FC.



Hadiah telah disampaikan oleh En. Nik Masri Moharani selaku wakil Yang Dipertua MPPG.

## MPPG MERANGKUL ANUGERAH EMAS DI KONVENSYEN KIK PERINGKAT WILAYAH PANTAI TIMUR



Kumpulan Siber membuat persembahan pembentangan.



Kesemua kumpulan bergambar selepas sesi penyampaian hadiah bersama fasilitator kumpulan masing-masing.

MPPG MENERUSKAN KECEMERLANGAN apabila berjaya merangkul anugerah emas bagi kesemua kumpulan yang bertanding dalam Konvensyen KIK Peringkat Wilayah Pantai Timur yang diadakan di Hotel Perdana Kelantan pada 31 Julai hingga 1 Ogos yang lalu.

Kesemua kumpulan yang mewakili MPPG iaitu Kumpulan Trigger dari Unit Korporat dan Perhubungan Awam, Kumpulan An-Najwan dari Bahagian Teknologi Maklumat, Kumpulan Siber dari Jabatan Perancang Bandar dan Kumpulan Proserve dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. kesemua masing-masing berjaya mendapat Anugerah Emas dan membawa pulang sijil penghargaan serta plak.



Tahniah dan syabas kepada semua kumpulan yang bertanding

## MPPG TERIMA LAWATAN DARI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN USAHAWAN SARAWAK (MIED)

Selain menjadi PBT contoh dalam aspek pengurusan seperti EKSA dan aktiviti bersama komuniti, MPPG turut menjadi rujukan PBT lain dalam aspek sistem kerja jabatan. Satu lawatan daripada Kementerian Pembangunan Industri dan Usahawan Sarawak (MIED) telah diadakan pada 21 Julai yang lalu bertempat di auditorium Aras 3, Menara Aqabah.

Delegasi telah diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Perkhidmatan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak (MIED) Puan Norjanah binti Hj. Razali. Antara perkongsian yang telah dibincangkan bersama ialah mengenai pengurusan MPPG dalam sektor industri di Pasir Gudang. Seterusnya selepas sesi perkongsian ilmu dan maklumat, sesi soal jawab dan pertukaran cenderahati turut diadakan.

Delegasi telah dibawa melawat Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang di Tanjung Langsung sebelum bersurai dan menikmati jamuan tengahari. Semoga sesi lawatan yang diadakan ini, dapat memberi serba sedikit ilmu pengetahuan perkongsian kepada pihak MIED Sarawak dan mencapai matlamat lawatan yang telah diadakan.



Lawatan ke Sarang/Buaya selepas sesi faklimat



Delegasi bergambar bersama selepas sesi taklimat diadakan.

## Kumpulan Jauhar KEKALKAN PRESTASI DALAM PERTANDINGAN NASYID JOHOR DI PERSADA JOHOR



TAHNIAH KUMPULAN NASYID JAUHAR MPPG!



Persembahan memukau dan bertenaga kumpulan Jauhar di Pertandingan Nasyid Negeri Johor

Kumpulan nasyid Jauhar mengekalkan prestasi yang membanggakan apabila berjaya merangkul Anugerah Persembahan Terbaik Kategori Moden 2019 dan mendapat tempat ketiga Anugerah Lagu Nasyid Terbaik Kategori Moden 2019 dalam Festival Nasyid Negeri Johor yang berlangsung di Persada Johor Bahru pada 23 Julai yang lalu. Masih mengekalkan barisan kumpulan seperti sebelumnya, kumpulan Jauhar telah mempertaruhkan lagu Taubat Nasuhaku hasil ciptaan Denai RD Razif.

Seterusnya, melalui hasil kejayaan ini, kumpulan ini telah menerima jemputan pertandingan nasyid di Program NAFEST PJ 2019 (Festival Nasyid) anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya di Selangor pada 17 Ogos yang lalu. Bagi festival ini pula, kumpulan Jauhar telah berjaya di peringkat saringan dengan penglibatan 22 buah kumpulan yang bertanding dan seterusnya mendapat saguhati 5 terbaik pada peringkat akhir.

# MPPG TERIMA LAWATAN EKSA DARI MAJLIS DAERAH PONTIAN (MDP)



Penerangan mengenai Rekod Penggunaan Kunci Oleh Zon Niobium.



Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah menerima lawatan EKSA dari Majlis Daerah Pontian (MDP) pada 11 Julai yang lalu. Seramai 40 warga kerja MDP telah menyertai sesi lawatan ini.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai program EKSA yang dijalankan di MPPG. Seterusnya selepas sesi soal jawab dan pertukaran penyampaian cenderahati, delegasi telah dibawa melawat ke beberapa zon EKSA di MPPG. Antaranya Zon Zirkonium (Unit Undang-Undang), Zon Argentum (Unit Audit Dalam), Zon Teknetium (Unit Penyelenggaraan Aset), Zon Niobium (Bahagian Landskap) dan Zon Hafnium (Jabatan Pengurusan dan Penilaian Harta).

Semoga lawatan yang dianjurkan ini, mampu memberi sedikit pengetahuan dan perkongsian kepada pihak Majlis Daerah Pontian mengenai pendedahan dan program EKSA yang dijalankan serta proses permohonan sijil EKSA yang dipohon.

## SESI TAKLIMAT BERSAMA

**YB. DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU,**  
*TIMBALAN KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SABAH*



Delegasi bergambar bersama selepas sesi taklimat tamat.

MPPG begitu berbesar hati apabila menerima kunjungan delegasi YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah pada 26 Ogos yang lalu.

Dalam sesi taklimat tersebut, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred, telah diberi penerangan mengenai latar belakang, peranan Majlis Perbandaran Pasir Gudang serta aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sebagai PBT di negeri Johor.

Sesi soal jawab dan sesi penyampaian cenderahati turut diadakan. Program berakhir dengan sesi bergambar dan jamuan makan tengahari.



Tuan Setiausaha menerima cenderahati dari Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred.

**7 JULAI 2019**

**PERHIMPUNAN BULANAN JULAI 2019**



Acara meraikan sambutan hari lahir warga kerja bagi bulan Julai 2019.

**15 JULAI 2019**

**TAKLIMAT INTEGRITI ANJURAN UNIT INTEGRITI MPPG**



Sesi perkongsian taklimat oleh penceramah jemputan.

**23 JULAI 2019**

**MESYUARAT IPMC**



Bergambar bersama selepas sesi mesyuarat tamat.

## LAWATAN YAB MENTERI BESAR KE SK TANJUNG LANGSAT

28 JULAI 2019



YAB Menteri Besar Johor, bersama pelajar-pelajar SK Tanjung Langsat.

## MAJLIS PENYERAHAN KUNCI DEWAN MUFAKAT JALAN KOTA MASAI

29 JULAI 2019



Penyerahan kunci replika dari Tuan Setiausaha kepada wakil Bahagian Pengurusan Harta.

## MAJLIS PERSARAAN EN. ARIFFIN BIN KHAMIS

31 JULAI 2019



Encik Ariffin membuat sesi *clockout* terakhir di MPPG.

## MAJLIS UNDIAN LIGA YANG DPERTUA PASIR GUDANG 2019

4 OGOS 2019



Proses pengundian dijalankan oleh sekeretariat di bawah Unit Sukan Jabatan Pembangunan Masyarakat

**16 OGOS 2019**

**PROGRAM GOTONG ROYONG EKSA SIRI 1/2019**



Gotong-royong dijalankan disemua lokasi zon di bawah pentadbiran MPPG.

**29 OGOS 2019**

**MAJLIS TAKLIMAT KEPADA UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN JABATAN PERDANA MENTERI (ICU JPM) KE PUSAT GERAKAN PENGURUSAN BANTUAN BENCANA SUNGAI KIM-KIM PASIR GUDANG JOHOR**



Yang Dipertua MPPG bersama deligasi lawatan bergambar selepas sesi taklimat



**29 OGOS 2019**

**LAWATAN YANG DIPERTUA KE LADANG KELULUT, TAMAN KOTA MASAI**



**29 OGOS 2019**

**MAJLIS PENYERAHAN DEWAN MUFAKAT TAMAN TANJUNG PUTERI**



Penyerahan kunci replika dari Tuan Setiausaha kepada wakil Bahagian Pengurusan Harta, Puan Famziah



Aksi peserta dalam Persembahan pertandingan zapin yang dianjurkan.



Persembahan dari Askar Wataniah/Malaysia

Persembahan dari artis jemputan Haqiem Rusli



# MPPG ANJUR STAMP GEAR FEST 2019

**S**TAMP GEAR FESTIVAL yang merupakan anjuran kali pertama oleh MPPG di kendalikan dibawah Bahagian Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat bertempat di Dataran Al-Hamra, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang

Program yang berlangsung bermula 27 hingga 28 Julai 2019 ini bertujuan bagi meraikan ulang tahun MPPG dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan serta memartabatkan karya seni anak tempatan dan pelajar sekolah khususnya Pasir Gudang untuk ingatan dan panduan generasi muda.

Selain daripada itu, antara objektif penganjuran program ini ialah sebagai wadah kepada golongan belia mengenali produk atau aktiviti pelancongan yang ada di Pasir Gudang serta dapat menyediakan sebuah acara yang menggabungkan pelbagai aktiviti budaya dan sosial untuk menarik golongan belia turut serta. Program bermula jam 8.00 pagi ini dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik. Antaranya permainan sukan rakyat seperti Pertandingan Terompa Gergasi Dewasa, Pertandingan Terompa Gergasi Kanak-Kanak, Pertandingan Dam Haji Gergasi, Pertandingan Congkak dan Pertandingan Batu Seremban, Pertandingan *Battle Of The Band*, Pertandingan Zapin, Mural dan Rekacipta.

Pada sebelah malam pula, turut diadakan persembahan artis oleh Haqiem Rosli, Lan Solo & Ronnie Hussien dan persembahan silap mata anak watan Pasir Gudang oleh Abg Magic. Penonton juga disajikan dengan persembahan oleh perbarisan Askar Wataniah Malaysia.

Majlis penyampaian hadiah pula telah disempurnakan pada sebelah pagi oleh Pn. Hajah Faridah Binti Abd Hamid, Ketua Bahagian Pembangunan Sosial, Jabatan Pembangunan Masyarakat. Semoga program seperti ini akan dapat menjadi anjuran tahunan MPPG dalam merealisasikan golongan generasi muda yang yakin dan kreatif dalam melahirkan karya seni.



Johan Pertandingan Zapin Terbuka Johor. Kumpulan D'Waris Dance Enterprise



Johan Pertandingan Battle Of The Band. Kumpulan Mistaken Identity



Johan Pertandingan Seni Mural. Nur Aqilah Binti Johari



Johan Pertandingan Rekacipta Kategori Sekolah Menengah. Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai.



Johan Pertandingan Rekacipta Kategori Sekolah Rendah. Sekolah Kebangsaan Permas Jaya 5.

# PEMBERSIHAN MELALUI EM MUDBALL DIPERLUAS DI PERINGKAT KOMUNITI PASIR GUDANG

Pada 18 Julai yang lalu, MPPG melalui Jabatan Kesihatan Awam telah melancarkan program pembersihan sungai di Jambatan Kampung Sungai Rinting menggunakan kaedah *Em Mudball*.

Program mendapat kerjasama Universiti Teknologi Mara, Komuniti Jalan Rinting 1 dan Komuniti Seri Alam 1 yang juga merupakan program dibawah Local Agenda 21 (LA21) dan disertai hampir 50 penduduk komuniti setempat.

Program dimulakan dengan ucapan oleh Ahli Majlis Taman Rinting, Cik Fatin Zulaikha. Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah di atas komitmen yang telah diberikan oleh ahli jawatankuasa dan penduduk Taman Rinting 1. Beliau juga berharap program ini akan diadakan lagi di masa akan datang untuk memberi pendedahan kepada komuniti tentang cara merawat sungai dan berharap agar penyertaan daripada komuniti lebih ramai untuk merealisasikan program LA-21 ini.

Seterusnya taklimat mengenai program telah disampaikan oleh Puan Siti Zaleha binti Md Ghazali, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dari Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), beliau telah memberi penerangan berkaitan *EM Mudball* dan tatacara membaling *EM Mudball* ke dalam sungai supaya objektif program untuk memastikan *EM Mudball* bertindakbalas dan merawat air sungai yang berada di kawasan Majlis Perbandaran Pasir Gudang berjaya dicapai. Acara membaling *EM Mudball* di Jambatan Kampung Sungai Rinting dimulai dengan Cik Fatin Zulaikha binti Zaidi dan diikuti oleh peserta program. Program ini telah berjaya membuat balingan *EM Mudball* sebanyak 9908 biji. Semoga program alam sekitar seperti ini dapat dianjurkan lagi dan menjadi contoh kepada komuniti zon lain di Pasir Gudang.



Taklimat membaling *EM Mudball* oleh Pegawai MPPG, Puan Siti Zaleha Binti Md Ghazali

## EM MUDBALL

*EM Mudball* ialah *Effective Microorganism*, yang diperbuat daripada gumpalan tanah hasil percampuran tanah merah, serbuk Bokashi dan larutan EM dan *molases* yang telah dibancuh dan dinamakan sebagai E-MAS. *EM Mudball* akan diemam selama sekurang-kurangnya selama 7 hari sehingga matang. *EM Mudball* yang terbaik boleh dilihat apabila telah ditumbuhi *cilium* atau kulat. Sebanyak 9908 biji *EM Mudball* dibaling ke dalam sungai tersebut. *EM Mudball* kekal bertahan di dalam sungai selama 2 minggu sebelum pecah dan dibawa arus air sungai. *EM Mudball* adalah bertujuan untuk merawat air sungai yang telah tercemar. *EM Mudball* perlu dibaling pada jarak 50 meter ke hulu sungai dan 50 meter ke hilir sungai dan mestilah memastikan *Mudball* yang dibaling jatuh dipermukaan dasar sungai supaya boleh bertindakbalas dengan air. Kesan tindakbalas terhadap air sungai adalah dalam masa seminggu selepas dibaling.



Ahli Majlis Taman Rinting dan Seri Alam sedang membaling *EM Mudball* ke dalam sungai



Sesi membaling *EM Mudball* di Jambatan Kg. Sungai Rinting

# MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA YB TUAN TAN CHEN CHOON, PENGERUSI JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN, KESEJAHTERAAN BANDAR DAN ALAM SEKITAR



Sesi penyampaian cenderamata dari Tuan Yang Dipertua kepada YB Tuan Tan Chen Choon



MPPG berasa berbesar hati apabila menerima lawatan dari YB Tan Chen Choon, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar pada 8 Ogos yang lalu. Sesi lawatan yang diadakan di Aras 20 Menara Aqabah ini turut dihadiri oleh Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Antara intipati lawatan yang diadakan adalah bagi memahami dengan lebih jelas berkaitan program perancangan pembangunan yang dijalankan di Pasir Gudang disamping beramah-mesra dengan Ahli Majlis yang hadir.

Sesi penyampaian cenderamata juga diadakan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani kepada YB Tan Chen Choon Program berakhir dengan sesi fotografi bersama dan jamuan makan tengahari.



YB Tuan Tan Chen Choon dalam sesi ramah mesra bersama Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang



Majlis perasmian telah dirasmikan oleh YB Tn. Steven Choong, Ahli Parlimen Tebrau



## Majlis Perasmian PELEBARAN JALAN PENGHUBUNG TAMAN PASIR PUTIH DAN KOTA MASAI

Penduduk Taman Pasir Putih dan Taman Kota Masai, akhirnya berasa lega apabila projek pelebaran jalan penghubung Taman Kota Masai dan Pasir Putih telah siap sepenuhnya dan telah dirasmikan pada 29 Julai 2019 bertempat di Galeri Jualan Hua Yang, Taman Kota Masai. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tn. Steven Choong, Ahli Parlimen Tebrau, diiringi YB Tn. Hj. Mazlan bin Bujang, Adun Puteri Wangsa, YB Tn. S. Gopalakrishnan, Adun Tiram dan Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Ahli-Ahli Majlis MPPG serta Setiausaha MPPG, En. Sulaiman bin Ismail.

Projek yang bermula Januari 2018 ini telah siap sepenuhnya pada 21 Jun 2019. Jalan Kota Masai 1 merupakan akses yang menghubungkan Taman Kota Masai dan Taman Pasir Putih. Ianya menjadi laluan penduduk sekitar untuk ke kawasan Pusat Bandar Pasir Gudang serta Kawasan Perindustrian Pasir Gudang. Dianggarkan sebanyak 4,500 buah kenderaan yang menggunakan laluan tersebut pada waktu puncak. Inisiatif pelebaran jalan ini amat mendesak dan diperlukan bagi membantu penguraian trafik di kawasan ini. Melibatkan jarak kira-kira 1.1 kilometer termasuk jambatan, pelebaran ini akan menaiktaraf lorong sedia daripada 2 lorong kepada 4 lorong dengan dilengkapi lampu isyarat.

Pemaju yang terlibat secara langsung dengan projek ini adalah Eco Tropics Development Sdn. Bhd. dan Grand View Realty Sdn. Bhd. Pelebaran jalan ini dijalankan secara perkongsian kos diantara Majlis Perbandaran Pasir Gudang dengan kedua-dua pemaju.

## PROGRAM LAYARI MERDEKA DI HUJUNG JARI *Sayangi Malaysiaku* "MALAYSIA BERSIH"

Program ini dijalankan secara kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang bersama Jawatankuasa Penduduk Zon Taman Cendana pada 25 Ogos 2019 bertempat di Pusat Internet Taman Cendana. Tenaga pengajar terdiri daripada warga kerja dari Bahagian Teknologi Maklumat yang berpengalaman luas dalam penggunaan aplikasi. Program ini diadakan sebagai wadah penyampai pengetahuan teknologi mendedahkan peserta kepada pelbagai aplikasi di atas talian yang disediakan MPPG bagi memudahkan masyarakat serta pelbagai aplikasi yang telah dicipta di pasaran.

Program terbahagi kepada 2 sesi dimana Sesi 1 bermula pada jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi dan Sesi 2 pada jam 10.45 pagi hingga 12.45 tengah hari.

Setiap sesi terbahagi kepada 2 slot iaitu slot pendedahan aplikasi MPPG seperti pembayaran cukai, aduan, sistem GIS MPPG dan slot kedua mempelajari kegunaan aplikasi-aplikasi harian seperti Perbankan di atas talian, Smart Al Quran, Lazada, Food Panda, pembelian tiket atas talian untuk bas (Booking.com), kapal terbang (Air Asia), dan hotel (Agoda, Trivago).

Tepat jam 12.40 tengah hari program sesi 2 selesai dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 40 orang. Seorang peserta, Mohd Afif berkata, "program yang dianjurkan ini banyak membantu saya dalam menggunakan kemudahan internet terutama laman sesawang yang banyak memberi kemudahan dalam mempercepatkan urusan seharian".



## LEBIH 1,000 PESERTA MERIAHKAN ACARA MPPG

### 'JOMRUN AWAY FROM PLASTIC'



Lebih 1,000 orang peserta dari seluruh Pasir Gudang, Johor Bahru dan kawasan sekitarnya telah berkumpul di Taman Linear Park, Tebrau seawal 6.00 pagi bagi menyertai MPPG Jom Run Away From Plastic. Program larian ini merupakan anjuran JomRun Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang bertujuan memupuk kesedaran terhadap pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat dan memberikan penekanan terhadap keseimbangan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan plastik serta menggunakan bahan-bahan yang boleh diguna semula seperti bekas makanan, beg guna semula atau beg mesra alam.



Sesi memanaskan badan sebelum acara larian dimulakan.

## KORBAN DAN AKIKAH 2019

Majlis Perbandaran Pasir Gudang melalui Biro Agama Kelab Sukan Dan Kebajikan Pasir Gudang dengan kerjasama Masjid An Nur Bandar Pasir Gudang telah menganjurkan Program Korban dan Akikah 2019 pada 12 Ogos yang lalu.

Program bermula jam 8.00 pagi diikuti taklimat program oleh Wakil Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) MPPG dan bacaan doa selamat yang disampaikan oleh Tuan Imam Masjid An Nur Bandar Pasir Gudang. Seramai 130 orang terdiri daripada warga kerja MPPG, Ahli Jawatankuasa Masjid dan Surau serta masyarakat telah bersama-sama menjayakan sesi penyembelihan, melapah dan sesi pengagihan daging korban.

Sebanyak 200 orang penerima sumbangan daging korban yang terdiri dari golongan kurang berkemampuan (asnaf) dimana senarai penerima diuruskan oleh Yayasan Pasir Gudang. Penyerahan daging korban telah disampaikan oleh Tuan Haji Zainor bin Adani, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pasir Gudang diiringi bersama En. Mohd Syafriz Hanis Bin Hamli, Timbalan Pengerusi, Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG.



Yang Dipertua menyampaikan sumbangan korban kepada golongan asnaf sekitar Pasir Gudang.



Urusefia dikalangan warga kerja dan ahli kelab, KSK MPPG turut membantu dalam pengagihan daging selepas proses penyembelihan.



25 JULAI 2019



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM LOVE MY SCHOOL BURSARY 2019

Program ini merupakan program kerjasama Yayasan MyKasih dan Yayasan Pasir Gudang merupakan bantuan bulanan bernilai RM60 bagi setiap pelajar melalui Kad Pintar yang membolehkan pelajar terpilih berbelanja di kantin dan kedai buku sekolah. Bantuan ini adalah selama 12 bulan bermula Januari 2019 sehingga Disember 2019. Seramai 60 orang pelajar terpilih dari SK Bandar Seri Alam menerima bantuan ini. Antara objektif penganjurannya ialah bagi mengurangkan kos perbelanjaan persekolahan harian pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan.

29 JULAI 2019



## MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN KEMASUKAN IPTA / IPTS FASA 2/2019

Program ini merupakan program bagi menghargai pelajar yang cemerlang dan melanjutkan pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam Malaysia. Latar belakang keluarga pelajar yang menerima adalah dalam golongan B40. Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan oleh En. Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang. Seramai 28 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Setiap pelajar menerima sumbangan tunai bernilai RM300 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.

15 OGOS 2019



## PROGRAM LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR PUSAT TUISYEN KOMUNITI PERCUMA YAYASAN PASIR GUDANG KE ZOO JOHOR DAN MUZIUM TOKOH JOHOR

Seramai 371 orang pelajar bersama 20 orang penyelia dan 8 orang pegawai pengiring terlibat dalam program ini. Objektif utama lawatan ini sebagai satu bentuk rekreasi sebelum menghadapi peperiksaan tidak lama lagi. Tajaan sepenuhnya Yayasan Pasir Gudang. Sumbangan baucer KFC bernilai RM10 untuk 300 orang pelajar sumbangan daripada Jcorp.

18 OGOS 2019



### PROGRAM PECUTAN PEPERIKSAAN UPSR 2019

Program ini merupakan inisiatif Yayasan Pasir Gudang dengan kerjasama Biro Pendidikan Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG bagi mempersiapkan pelajar UPSR 2019 untuk menghadapi peperiksaan UPSR 2019 dengan bengkel teknik menjawab peperiksaan. Seramai 255 orang pelajar daripada 6 buah Pusat Tuisyen Komuniti Yayasan Pasir Gudang dan 10 buah sekolah sekitar Pasir Gudang. Majlis penutup disempurnakan oleh Yang Berhormat Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Yayasan Pasir Gudang.

19 OGOS 2019



### PROGRAM PECUTAN PEPERIKSAAN PT3 2019

Program ini merupakan inisiatif Yayasan Pasir Gudang dengan kerjasama Biro Pendidikan Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG bagi mempersiapkan pelajar PT3 2019 untuk menghadapi peperiksaan PT3 2019 dengan bengkel teknik menjawab peperiksaan. Seramai 248 orang pelajar daripada 7 buah Pusat Tuisyen Komuniti Yayasan Pasir Gudang dan 5 buah Sekolah Menengah sekitar Pasir Gudang.

20 OGOS 2019



### PROGRAM PECUTAN PEPERIKSAAN STPM 2019

Program ini merupakan inisiatif Yayasan Pasir Gudang dengan kerjasama Biro Pendidikan Kelab Sukan dan Kebajikan MPPG bagi mempersiapkan pelajar STPM 2019 untuk menghadapi peperiksaan STPM 2019 dengan bengkel teknik menjawab peperiksaan. Seramai 285 orang pelajar STPM dari SMK Pasir Gudang 2 dan SMK Dato Penggawa Timur terlibat dalam program ini.

23 OGOS 2019



### WALKABOUT BANTUAN FOOD AID PROGRAM MYKASIH FASA 2

Seramai 120 orang penerima yang menerima manfaat bantuan ini. Bantuan fasa pertama telah dijalankan pada bulan April yang lalu. Penyerahan bantuan ini telah disempurnakan oleh Encik Syed Othman bin Abdullah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang.



# INFO TERKINI

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



## PERHATIAN PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2020 UNDANG-UNDANG KECIL TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MPPG) 2017

**PEMBAHARUAN LESEN:  
SEPT - NOV 2019  
PENALTI: DISEMBER 2019**

**BERMULA 1 JAN 2020  
LESEN DIBATALKAN DAN PERLU MEMBUAT  
PERMOHONAN BAHARU**



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

### NOTIS PEMBERITAHUAN

Bagi mengukuhkan lagi peranan Majlis Perbandaran Pasir Gudang melaksanakan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) sejajar menjadikan Pasir Gudang Bandar Sejahtera Tersohor, MPPG telah mengguna pakai Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MPPG) 2017 sebagaimana pewartaan pada 2 Februari 2017.

Beberapa komponen di dalam susunan Undang-Undang Kecil ini yang ditambah baik antaranya, UUK 12 **Pembaruan Lesen** :

-  **Lesen boleh diperbaharui tidak melebihi daripada tiga puluh (30) hari sebelum tamat tempoh lesen.** Ini bermaksud pemegang lesen perlu memperbaharui lesen premis mereka **sebelum tarikh 30 November pada tahun semasa.**
-  **Pembaruan lesen selepas tempoh 30 November hingga 31 Disember boleh dikenakan penalti** yang amaunnya tidak lebih daripada fi lesen.
-  **Lesen-lesen yang tidak diperbaharui selepas tamat tempoh lesen (31 Disember) pada tahun semasa adalah terbatal** dan perlu membuat permohonan semula (baru) sekiranya hendak meneruskan perniagaan.
-  **Dalam tempoh untuk pembaruan lesen, sekiranya perlu Majlis boleh meminta untuk menyediakan apa-apa maklumat atau dokumen.**
-  **Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat suatu lesen apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada Ringgit Malaysia Dua Ribu ATAU penjara selama tempoh tidak melebihi daripada satu tahun ATAU kedua-duanya sekali.**

PERBANDINGAN UUK (1988) dan UUK BARU (2017)

BIL.	PERKARA	UUK (1988)	UUK (2017)
i.	TEMPOH LESEN	Januari - Disember	Januari - Disember
ii.	TEMPOH MEMPERBAHARUI LESEN	Berakhir 31 Disember	Berakhir 30 November
iii.	TINDAKAN LEWAT MEMPERBAHARUI	Denda ; Max - 10 X ganda nilai lesen MIN - 2 X ganda nilai lesen (UUK bayaran denda (MPPG) 2011)	Denda ; Tidak melebihi harga lesen
iv.	TEMPOH PENGECUALIAN DENDA	Januari - Mac	Tiada
v.	STATUS PEMBAHARUAN LESEN SELEPAS TAMAT TEMPOH (31 DIS)	Boleh diperbaharui	Tidak boleh diperbaharui, lesen dianggap terbatal



### SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

  
**TELEFON**  
07-254 7777

  
**FAKS**  
07-251 5260

  
**EMEL**  
mppg@johor.gov.my

  
**SKUAD TINJAU**  
013-377 1710

UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI



Majlis Perbandaran Pasir Gudang &  
Yang Dipertua MPPG